Eropah

Eropah (Tulisan Jawi: ايروڤه; bahasa Greek: *Ευρώπη*/Evropi) ialah sebuah benua yang berada antara Lautan Atlantik di barat, Laut Artik di utara, Pergunungan Ural dan Sungai Ural di timur, Laut Kaspia, Pergunungan Caucasus dan Laut Hitam di Tenggara, dan Laut Mediterranean di selatan.

Dari segi keluasan, Eropah ialah benua yang kedua terkecil di dunia, iaitu 10,400,000 km^2 yang menjadikannya luas sedikit berbanding Australia. Dari segi populasi, Eropah mempunyai penduduk ketiga teramai selepas Asia dan Afrika. Bilangan penduduk di Eropah pada 2001 dikatakan berjumlah 666,498,000, kira-kira satu pertujuh populasi dunia. Terdapat lebih kurang 50 buah negara di Eropah.

Eropah
ايروڤه



Kawasan	10,180,000 km^2 (3,930,000 bt^2)[n]
Penduduk	739,165,030[n] (2011), 3rd)
Ketumpatan penduduk	72.5/km^2
Demonim	Eropah
Negara	50 (Senarai negara)
Bahasa	Senarai bahasa
Zon masa	UTC to UTC+6
TLD	.eu (European Union)
Bandar terbesar	Senarai kawasan metropolitan di Eropah

Isi kandungan

Etimologi

Kuno dalam mitologi, Europa (Yunani Kuno: Εὐρώπη, *Eurṓpē*) adalah seorang ratu Phoenicia yang diculik Zeus setelah mengambil bentuk yg melinglungkan putih bull. Zeus membawa dia ke pulau Crete di mana dia telah melahirkan Minos, Rhadamanthus dan Sarpedon. Menurut Homer, Eropa (bahasa Greek: Εὐρώπη), adalah seorang ratu mitologi Crete, bukan tujuan geografis. Belakangan, Eropa untuk berdiri pusat-utara Yunani, dan oleh 500 BC maknanya telah meluas ke negeri-negeri di sebelah utara.



Peta taburan linguistik Eropah.

Sejarah

Rencana utama: Sejarah Eropah

Empayar Yunani Purba ialah tamadun asas kepada kebudayaan Barat, dan prinsip-prinsip demokrasi dan rasionalisme Barat berasal dari empayar ini.[1] Selepas itu, Empayar Rom menjadi kuasa utama di Eropah.

Selepas kejatuhan Empayar Rom, Eropah mengalami Zaman Migrasi, iaitu zaman dari Zaman Kegelapan hingga Zaman Pembaharuan (*Renaissance*). Zaman Pembaharuan dan Monarki Baru menandakan permulaan zaman penemuan, penjelajahan dan peningkatan dalam pengetahuan ilmiah masyarakat Eropah. Pada abad ke-15, Portugal memulakan zaman penjelajahan yang diikuti oleh Sepanyol. Kemudian, Perancis, Belanda dan British turut bergabung dalam membangunkan kerajaan penjajah besar dengan kawasan kekuasaan yang luas di Afrika, Amerika dan Asia.



Peta Eropah pada 1000.

Revolusi Perindustrian yang bermula di Britain pada akhir abad ke-18 menyebabkan peralihan daripada sektor bertumpukan pertanian, kemakmuran rakyat yang semakin bertambah dan pertumbuhan penduduk. Sejak berakhirnya Perang Dunia Kedua hingga Perang Dingin, negara-negara Eropah terbagi kepada dua blok politik dan ekonomi utama: Blok Komunis di Eropah Timur dan Blok Kapitalis di Eropah Barat. Sekitar tahun 1989, Blok Komunis pecah berikutan peruntuhan Tembok Berlin.

Geografi

Rencana utama: Geografi Eropah

Eropah ialah sebahagian daripada Eurasia, dengan Eropah merangkumi seperlima keluasan Eurasia.[2]

Benua ini bermula dari Pergunungan Ural di Rusia yang menggambarkan sempadan timur Eropah dengan Asia. Sempadan tenggara dengan Asia adalah tidak jelas, dengan sempadan paling diterima umum ialah Sungai Ural atau Sungai Emba. Sempadan berlanjut dengan Laut Kaspia, kemudiannya Pergunungan Kaukasus atau Depresi Kuma-Manych, dan sampai ke Laut Hitam; Bosporus, Laut Marmara, dan Dardanelles yang mengakhiri sempadan Eropah-Asia. Laut Mediterranean di selatan memisahkan Eropah dengan Afrika. Sempadan di bahagian barat ialah Lautan Atlantik.

Negara dan tanah jajahan

Negara berdaulat

Setakat kini, terdapat 50 buah negara yang tergolong dalam benua Eropah:

- Albania
- Andorra
- Austria
- Belanda
- Belarus
- Belgium
- Bosnia dan Herzegovina
- Bulgaria
- Croatia
- Cyprus
- Denmark
- Estonia
- Finland
- Hungary
- Ireland
- Iceland
- Itali
- Jerman
- Kota Vatikan
- Latvia
- Liechtenstein
- Lithuania
- Luxembourg
- Macedonia Utara
- Malta
- Moldova
- Monaco
- Montenegro
- Norway
- Perancis
- Poland
- Portugal
- Republik Czech
- Romania
- Rusia
- San Marino
- Serbia
- Slovenia
- Slovakia
- Sepanyol
- Sweden
- Switzerland
- Turki
- Ukraine
- United Kingdom
- Yunani

Sebahagian kecil daripada Turki serta bahagian barat Rusia adalah bahagian Eropah.

Negara dengan pengiktirafan terhad

Eropah menempatkan lima buah negara *de facto* dengan sedikit atau tiada pengiktirafan oleh pihak antarabangsa. Tiada dalam kalangan negara ini ialah anggota PBB.

- Abkhazia (mengisytiharkan kemerdekaan daripada Georgia)
- Artsakh (mengisytiharkan kemerdekaan daripada Azerbaijan)
- Republik Turki Cyprus Utara (mengisytiharkan kemerdekaan daripada Cyprus)
- Kosovo (mengisytiharkan kemerdekaan daripada Serbia)
- Ossetia Selatan (mengisytiharkan kemerdekaan daripada Georgia)
- Transnistria (mengisytiharkan kemerdekaan daripada Moldova)

Wilayah tanggungan

Wilayah tanggungan dengan wilayah-wilayah serupa dengan autonomi pentadbiran yang ketara di Eropah adalah seperti di bawah:

- Denmark
  - Kepulauan Faroe
  - Greenland
- Finland
  - Kepulauan Åland
- Norway
  - Svalbard
- United Kingdom
  - Akrotiri dan Dhekelia
  - Guernsey
  - Jersey
  - Pulau Man

Ekonomi

Rencana utama: Ekonomi Eropah

Ekonomi Eropah secara keseluruhan adalah yang terbesar di dunia daripada segi aset kawalan dengan nilai mencacah $32.7 trilion setakat 2008, kira-kira sepertiga kekayaan dunia. Negara-negara Eropah dengan ekonomi maju lebih tertumpu di Eropah Barat, dengan negara-negara di kawasan lain sedang berkembang selepas pembubaran Kesatuan Soviet dan perpecahan Yugoslavia.

Demografi

Bahasa

Rencana utama: Bahasa di Eropah

Kira-kira 225 bahasa ibunda ditutur di Eropah.[3] Kebanyakan bahasa Eropah tertakluk pada kumpulan-kumpulan bahasa Indo-Eropah:

- bahasa-bahasa Romawi yang terbit daripada bahasa Latin dalam Empayar Rom dan ditutur di kawasan barat dan selatan Eropah;
- rumpun bahasa Germanik yang berasal dari selatan Skandinavia dan ditutur di barat, utara dan tengah Eropah;
- bahasa-bahasa Slavik yang lazim ditutur di kawasan tengah, timur dan selatan Eropah.
- bahasa-bahasa Baltik, yakni bahasa Latvia dan Lihuania;

- bahasa-bahasa Celt seperti bahasa Ireland, dan;
- bahasa-bahasa lain seperti bahasa Yunani dan bahasa Albania.


Peta taburan bahasa-bahasa utama Eropah.

Selain itu, bahasa-bahasa Ural seperti bahasa Finland dan bahasa Estonia ditutur di Estonia, Finland, Hungary dan kawasan-kawasan Rusia. Bahasa-bahasa Turk pula lazim ditutur di kawasan selatan dan timur Eropah. Bahasa Malta ialah satu-satunya bahasa Semitik rasmi di EU, dan bahasa Basque ialah satu-satunya bahasa terpencil di Eropah.

Agama

Rencana utama: Agama di Eropah

Agama Kristian ialah agama kebanyakan masyarakat Eropah, dengan 76.2% penduduk Eropah mengiktiraf diri mereka sebagai beragama Kristian.[4] Agama Islam dianuti oleh kira-kira 6% masyarakat benua, lazimnya di kawasan Balkan dan timur Eropah.[5] Agama Buddha ialah agama majoriti di republik Kalmykia, Rusia. 18.2% daripada masyarakat Eropah mengiktiraf diri mereka sebagai tidak beragama, agnostik atau ateis.[6]

Lihat juga

- Kesatuan Eropah (EU)

Rujukan

1. Jonathan Daly (2013). *The Rise of Western Power: A Comparative History of Western Civilization* (https://books.google.com/books?id=9aZPAQAAQBAJ). A&C Black. halaman 7–9. ISBN 978-1-4411-1851-6.
2. Microsoft Encarta Online Encyclopaedia 2007. *Europe* (https://web.archive.org/web/20091028013857/http://encarta.msn.com/encyclopedia_761570768/Europe.html). Diarkib daripada yang asal (http://encarta.msn.com/encyclopaedia_761570768/Europe.html) pada 28 October 2009. Dicapai pada 27 December 2007.
3. Language facts – European day of languages (http://edl.ecml.at/LanguageFun/LanguageFacts/tabid/1859/Default.aspx), Council of Europe. Dicapai pada 30 Julai 2015.
4. "Regional Distribution of Christians: Christianity in Europe" (http://www.pewforum.org/2011/12/19/global-christianity-regions/#europe). *Pew Research Center's Religion & Public Life Project*. 18 December 2011. Dicapai pada 22 February 2015.
5. "The Global Religious Landscape: Muslims" (http://www.pewforum.org/2012/12/18/global-religious-landscape-muslim/). *pewforum*. 18 December 2012. Dicapai pada 18 December 2012.
6. "Religiously Unaffiliated" (http://www.pewforum.org/global-religious-landscape-unaffiliated.aspx). *Pew Research Center's Religion & Public Life Project*. 18 December 2012. Dicapai pada 22 February 2015.

Pautan luar

- Kategori berkenaan Eropah (https://commons.wikimedia.org/wiki/Category:Europe?uselang=ms) di Wikimedia Commons

Rencana ini ialah rencana tunas. Anda boleh membantu Wikipedia dengan mengembangkannya (https://ms.wikipedia.org/w/index.php?title=Eropah&action=edit).

Jika anda melihat rencana yang menggunakan templat {{tunas}} ini, gantikanlah ia dengan templat tunas yang lebih spesifik.

L · B · S (https://ms.wikipedia.org/w/index.php?title=Templat:Benua&action=edit) **Benua**


Afrika


Antartika


Asia


Australia


Eropah


Amerika Utara


Amerika


Afro-Eurasia


Amerika


Eurasia


Oceania

Lihat juga : *Kawasan dunia*

L · B · S (https://ms.wikipedia.org/w/index.php?title=Templat:Negara_di_Eropah&action=edit) **Negara berdaulat dan wilayah tanggungan di Eropah**

Negara berdaulat	Albania · Andorra · Armenia · Austria · Azerbaijan · Belanda · Belarus · Belgium · Bosnia dan Herzegovina · Bulgaria · Croatia · Cyprus · Denmark · Estonia · Finland · Georgia · Hungary · Iceland · Ireland · Itali · Jerman · Kazakhstan · Kosovo · Kota Vatikan Latvia · Liechtenstein · Lithuania · Luxembourg · Makedonia Utara · Malta · Moldova · Monaco · Montenegro · Norway · Perancis · Poland · Portugal · Republik Czech · Romania · Rusia · San Marino · Sepanyol · Serbia · Slovakia · Slovenia · Sweden · Switzerland · Turki · Ukraine · United Kingdom · Yunani	
Negeri dengan pengiktirafan terhad		

		Abkhazia · Nagorno-Karabakh · Cyprus Utara · Ossetia Selatan · Transnistria
Tanggungan dan wilayah lain	**Denmark**	Kepulauan Faroe
	Finland	Kepulauan Aland
	Norway	Svalbard
	United Kingdom	Akrotiri dan Dhekelia · Gibraltar · Guernsey · Isle of Man · Jersey
Kawalan kewibawaan		GND: 4015701-5 (https://d-nb.info/gnd/4015701-5) · HDS: 007147 (https://hls-dhs-dss.ch/fr/articles/007147) · LCCN: sh85045631 (https://id.loc.gov/authorities/subjects/sh85045631) · MusicBrainz: 89a675c2-3e37-3518-b83c-418bad59a85a (https://musicbrainz.org/area/89a675c2-3e37-3518-b83c-418bad59a85a) · NARA: 10035692 (https://catalog.archives.gov/id/10035692) · NDL: 00574313 (https://id.ndl.go.jp/auth/ndlna/00574313) · NKC: ge137210 (https://aleph.nkp.cz/F/?func=find-c&local_base=aut&ccl_term=ica=ge137210&CON_LNG=ENG) · TDVİA: avrupa (https://islamansiklopedisi.org.tr/avrupa) · VIAF: 252680782 (https://viaf.org/viaf/252680782) · WorldCat Identities: viaf-252680782 (https://www.worldcat.org/identities/viaf-252680782)